

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

<p>Sila Baca Lembaran Penyataan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Bil Penerimaan-i (Pembelian/Import). Sila pastikan anda juga membaca terma dan syarat muktamad di dalam Surat Tawaran ("LO") dan/atau Perjanjian Kemudahan. Anda diingatkan supaya sentiasa mendapatkan nasihat undang-undang bebas. Sila dapatkan penjelasan daripada wakil sah AmBank Islamic Berhad sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma umum yang dinyatakan di sini</p>	<p>AmBank Islamic Berhad</p> <p>Bil Penerimaan-i (Pembelian/Import)</p> <p>Tarikh: 01 September 2023</p>
<p>1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?</p> <p>Bil Penerimaan-i ("AB-i") (Pembelian/Import) ialah kemudahan perdagangan ("Produk" atau "Kemudahan") yang ditawarkan oleh AmBank Islamic ("Bank") untuk membiayai pembelian/import barangan yang berkaitan dengan perdagangan dalam Ringgit Malaysia. Barangan yang dibiayai di bawah kemudahan ini mestilah patuh Syariah. AB-i tertakluk kepada "Accepted Bills-i Guidelines" yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.</p>	
<p>2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?</p> <p><i>Murabahah</i>, yang merujuk kepada jual beli aset yang mana kos perolehan dan margin keuntungan dimaklumkan kepada pembeli. Dalam transaksi <i>Murabahah</i>, anda (pelanggan) akan dilantik sebagai ejen oleh Bank untuk membeli aset yang diperlukan.</p> <p>Jualan barangan oleh Bank kepada anda atas bayaran tertunda membentuk kewujudan hutang. Ini merupakan sekuriti dalam bentuk Pertukaran Nasihat yang dikeluarkan oleh Bank dan diterima oleh anda bagi amaun penuh harga jualan Bank pada tarikh matang.</p> <p>Kriteria aset-aset dalam transaksi <i>Murabahah</i> adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Aset mestilah wujud dan dikenal pasti dari segi lokasi, kuantiti, kualiti dan lengkap dalam bentuk fizikalnya. Aset dalam pembinaan atau akan dibina tidak boleh dijual melalui transaksi <i>Murabahah</i> sebelum pembinaan / tempahan selesai. (b) Aset mestilah dibenarkan di bawah Syariah, mempunyai nilai dan bermanfaat kepada pembeli. (c) Aset hendaklah boleh dipindah milik (iaitu sesuatu yang boleh diserahkan). 	
<p>3. Apakah yang saya akan dapat daripada produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Jumlah Kemudahan yang dipohon: RM (b) Tempoh pembiayaan: Max – 365 hari Min – 21 hari (c) Kos perolehan: Berdasarkan nilai invois (d) Struktur Kadar Keuntungan (Margin keuntungan): <input type="checkbox"/> Tetap (Diukur rujuk kepada Kos Dana semasa pihak Bank) 	
<p>4. Apakah peranan dan tanggungjawab saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) Untuk membeli aset sebagai ejen kepada Bank. (b) Sebagai ejen kepada Bank, anda diberi kuasa untuk menandatangani semua dokumen dan mematuhi / menjalankan segala kewajipan berkaitan dengan agensi di dalam lembaran ini. (c) Anda juga dikehendaki untuk melindungi aset terhadap semua risiko, termasuk kebakaran, banjir, kecurian dan risiko lain yang biasa dalam perdagangan anda semasa penghantaran aset tersebut daripada Penjual dan apabila aset tersebut disimpan di dalam gudang anda. (d) Sebagai ejen, anda juga dikehendaki untuk mematuhi Terma dan Syarat produk yang boleh didapati di www.ambankgroup.com. (e) Jumlah nilai aset yang dibeli tidak boleh melebihi jumlah kemudahan yang diluluskan. (f) Struktur Pembayaran: Pembayaran Sekaligus (prinsipal + keuntungan pada tarikh matang) 	

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK
5. Apakah yuran dan caj yang dikenakan?

No.	Perkara	Harga / Kadar
1.	Komisen Penerimaan	Seperti yang dinyatakan dalam surat tawaran; Min. RM50.
No.	Jenis Fi dan Caj	Tarif
2.	Pembayaran Pelbagai (bilangan pembayaran 3 dan ke atas)	RM50 rata.
3.	Nilai transaksi di bawah RM100,000	RM100 rata.
4.	Pembayaran RENTAS / GIRO Antara Bank	RM2 rata.
5.	Pos / Pos Berdaftar	<ul style="list-style-type: none"> Di Malaysia: RM5 rata. Di luar Malaysia: RM20 rata.
6.	Perkhidmatan Kurier	<ul style="list-style-type: none"> Di Malaysia: RM15 rata. Di luar Malaysia: Bergantung kepada destinasi.
7.	Duti Setem	Seperti terkandung dalam Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989)

Sebut harga fi dan caj yang dinyatakan adalah tidak termasuk apa-apa cukai, termasuk tetapi tidak terhad kepada, cukai barang dan perkhidmatan, cukai tambah nilai, cukai penggunaan, cukai pengguna, cukai tidak langsung, cukai perkhidmatan, cukai jualan, duti, levi atau apa-apa cukai lain ("Cukai") yang mungkin sekarang atau selepas ini dikenakan Kerajaan Malaysia.

6. Bagaimana sekiranya saya gagal melaksanakan tanggungjawab saya ?

- Sekiranya anda enggan atau gagal untuk membuat pembelian dan mengambil penyerahan aset, anda perlu bertanggungjawab bagi pelanggaran perjanjian itu dan hendaklah memberi pampasan kepada Bank untuk semua kos yang terlibat dalam pembelian aset, pelupusan aset kepada pihak ketiga dan perbezaan antara harga pelupusan dan harga pembelian (jika ada).
- Sekiranya anda enggan atau gagal melaksanakan kewajipan kewangan atau apa-apa kewajipan lain di bawah kemudahan anda, Bank berhak untuk mengisytiharkan kes ingkar yang mana kemudahan itu akan ditamatkan dan anda hendaklah membayar kepada Bank semua jumlah tertunggak di bawah kemudahan.
- Sebagai tambahan kepada perkara di atas, sekiranya anda enggan atau gagal membayar apa-apa jumlah pembayaran pada tarikh matang, anda hendaklah membayar caj pembayaran lewat ke atas jumlah yang terhutang dan tidak dibayar pada kadar berikut

No.	Tempoh Berkenaan	Kadar Caj Lewat Bayar	Ke atas Amaun
1.	Sebelum tarikh matang.	1% setahun dikira atas baki harian.	Baki tertunggak yang dikira dari tarikh pembatalan sehingga penyelesaian penuh baki tertunggak.
2.	Selepas tarikh matang.	Kadar Semasa Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam ("IIMM") setahun dikira atas dasar baki harian.	Baki tertunggak yang dikira dari tarikh matang sehingga penyelesaian penuh.
3.	Apabila Bank telah mendapat penghakiman terhadap Pelanggan.	Pada kadar IIMM setahun yang dikira atas dasar baki harian dari tarikh penghakiman mahkamah sehingga tarikh penyelesaian.	Baki tertunggak (tidak termasuk kos guaman dan caj lewat bayar seperti yang dinyatakan di dalam penghakiman) yang dikira dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian penuh jumlah penghakiman.

Nota:

- Caj lewat bayar tidak boleh dikompaun.
 - Jumlah caj lewat bayar tidak boleh melebihi amaun prinsipal tertunggak.
 - Caj lewat bayar dan kaedah pengiraan adalah tertakluk kepada perubahan sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.
 - Baki tertunggak merujuk kepada baki prinsipal dan keuntungan diperoleh.
 - Caj lewat bayar adalah kumulatif dan tertakluk kepada tempoh berkenaan.
- Hak untuk tolak-selesai: Bank berhak untuk menggunakan mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dikendalikan dengan Bank untuk menyelesaikan apa-apa pembayaran tunggakan di bawah kemudahan yang memberi notis kepada anda.
 - Pihak Bank mempunyai hak untuk memulakan tindakan undang-undang terhadap anda dan penjamin (jika ada) dan/atau mencairkan / menghalang / tebus cagaran yang diberi (jika ada) untuk mendapatkan apa-apa amaun terhutang yang tidak dibayar di bawah Kemudahan.
 - Tindakan undang-undang yang diambil terhadap anda boleh menjejaskan penarafan kredit yang membawa kepada kredit yang lebih sukar atau mahal.

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK

7. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang ?

Bank akan memberi *ibra'* (rebat), sekiranya ada, ke atas baki amaun Harga Jualan Aset yang masih belum dijelaskan oleh anda berdasarkan situasi berikut:

Berdasarkan kepada penyelesaian penuh Kemudahan oleh anda dalam situasi berikut:

- i. Penebusan atau prabayaran Kemudahan.
- ii. Disebabkan penstrukturan semula Kemudahan.
- iii. Di dalam kes ingkar oleh Pelanggan.
- iv. Di dalam situasi penamatan atau pembatalan Kemudahan sebelum tarikh luput..
 - *Ibra'* (rebat) akan dikira berdasarkan formula di bawah atau pengiraan formula sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia.
 - *Ibra'* (rebat) = keuntungan tertunda – caj penyelesaian awal.

8. Adakah saya memerlukan perlindungan Takaful?

Ya, perlindungan Takaful diperlukan dengan secukupnya untuk melindungi aset. Anda bebas memilih perlindungan Takaful daripada mana-mana syarikat Takaful yang diterima oleh Bank.

Takaful yang terpakai untuk kemudahan ini: -

- **Takaful Perlindungan Terbuka**, yang meliputi kehilangan atau kerosakan kepada barangan semasa penghantaran. Ia menggantikan pemilik barang dagangan untuk kerugian melebihi apa yang boleh diperolehi semula secara sah daripada pengangkut. Kerugian dalam liputan ini boleh termasuk kebakaran, kemalangan kapal, lanun, cuaca buruk dan pelbagai klausa lain.

9. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?

(a) Kadar Tetap

Produk ini ditawarkan dalam kadar tetap. Dalam keadaan yang mana Kadar Pembiayaan Asas (KPA) adalah lebih rendah daripada kadar tetap yang dipersetujui, anda terikat untuk membayar pada jumlah yang lebih tinggi.

(b) Bank boleh mengambil tindakan undang-undang jika anda tidak melunaskan bayaran anda.

10. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Seorang penjamin (atau lebih) harus disediakan, jika perlu.
- Cagaran harus disediakan jika perlu dan mestilah diterima oleh Syariah.

Nota: Syarat di atas bergantung kepada keupayaan kredit anda.

11. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk bantuan, anda boleh hubungi / maklumkan secara bertulis kepada Pegawai Perhubungan anda.

12. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami di:
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau mempunyai aduan yang tidak diselesaikan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di:

AmBank Islamic Contact Centre
P.O Box No. 12617, 50784 Kuala Lumpur
Tel: (603) 2178 8888
Email: customercare@ambankgroup.com

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50450 Kuala Lumpur.
Tel: 1-300-88-5465
Fax: 03-2174 1515
Website: bnmlink.bnm.gov.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK di:

Level 5 & 6,
Menara Aras Raya
(Formerly known as Menara Bumiputera Commerce)
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel: 03-2616 7766
E-mail: enquiry@akpk.org.my

LEMBARAN PENYATAAN PRODUK
13. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk butiran terperinci seperti ciri-ciri, keistimewaan, manfaat dan caj yuran produk, anda boleh melayari www.ambankgroup.com.

14. Produk-produk perdagangan secara Islam yang disediakan:

- | | |
|--|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Resit Amanah-i • Pembiayaan Invois-i • Pembiayaan Perdagangan Mata Wang Asing-i • Pemfaktoran Rekursa Domestik-i • Pemfaktoran Sulit-i • Pemfaktoran Berturutan-i • Penyelenggaraan Lejer Jualan-i • Pembiayaan Semula Kredit Eksport-i | <ul style="list-style-type: none"> • Bil Kredit Perundingan-i • Pembelian Bil Keluar-i • Surat Kredit-i • Jaminan Bank-i • Surat Kredit Tunggu Sedia-i • Jaminan Perkapalan-i • Kutipan Bil Masuk-i • Kutipan Bil Keluar-i |
|--|--|

PENTING! CAGARAN ANDA MUNGKIN DICAIRKAN SEKIRANYA JADUAL PEMBAYARAN TIDAK DIPATUHI

Maklumat yang diberikan dalam Lembaran Penyataan Produk ini sah dari **01 September 2023** sehingga dikemas kini seterusnya. Sila layari www.ambankgroup.com untuk maklumat terkini.

Semua pengiraan dan kadar adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk kepada terma dan syarat.

Penafian: Amaun jaminan sebenar yang akan diberi oleh AmBank Islamic Berhad adalah bergantung pada penilaian kredit anda oleh AmBank Islamic Berhad. Penyampaian Lembaran Penyataan Produk ini kepada anda tidak mewujudkan sebarang kewajipan oleh AmBank Islamic Berhad untuk memberi anda apa-apa kemudahan.

Saya / Kami mengakui bahawa terma utama kontrak dan tanggungan kewangan saya / kami di bawah produk kewangan ini telah diperjelas dengan secukupnya kepada saya/kami oleh wakil sah AmBank Islamic Berhad.

Nama:

No K/P:

Tarikh:

Atau

Untuk dan Bagi Pihak:

Nombor Pendaftaran:

(Penandatanganan Sah/ Pengarah)

Tarikh: